

18 APRIL 2018

Tiga ditahan, dadah dirampas

Tiga ditahan, dadah dirampas

IPOH 17 April - Polis merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM127,681 selepas menahan tiga lelaki dalam tangkapan berasingan di Ipoh dan Batu Gajah pada Jumaat lalu hingga kelmarin.

Ketiga-tiga suspek yang berusia antara 32 hingga 55 tahun itu ditahan selepas polis menerima maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah di kawasan tersebut daripada orang awam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Asisten Komisioner R. Ravi Chandran berkata, dalam serbuan pertama pada pukul 10.40 malam Jumaat lalu, seorang lelaki berusia 55 tahun ditahan di sebuah rumah di Batu Gajah Perdana.

Menurutnya, pemeriksaan di rumah peniaga pasar malam itu menemui sembilan pekuk plastik lutsinar mengandungi dadah jenis heroin seberat 3.8 kilogram yang dianggarkan bernilai RM116,340.

"Menerusi serbuan kedua di Taman Desa Aman, Pasir Puteh

di sini, polis turut menahan seorang penganggur selepas didapati memandu dalam keadaan mencurigakan pada pukul 11.30 malam Sabtu lalu.

"Pemeriksaan di dalam kereta Proton Iswara dipandu suspek telah menjumpai 80 pekuk plastik mengandungi dadah disyaki serbuk ekstasi seberat 821 gram yang bernilai RM6,841," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen di sini hari ini.

Ravi memberitahu, dalam tangkapan terakhir kelmarin, seorang lelaki yang juga menganggur ditahan bersama 30 keping foil aluminium mengandungi 300 biji dadah jenis erimin 5 bernilai RM4,500.

Ujarnya, serbuan pada pukul 1 pagi itu dilakukan di sebuah rumah kedai di Canning Estate di sini.

"Ketiga-tiga mereka kini ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.